


16- 31 JULAI, 2025

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Silicon Island demi pembangunan negeri



**KETUA Menteri bersama-sama pimpinan negeri dan pemaju projek turut merakamkan momen di jambatan sementara usai lawatan tapak ke *Silicon Island* di sini baru-baru ini.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Orang awam akan dapat mengakses *Silicon Island* apabila jambatan sepanjang 380 meter yang akan dibina siap, dan sedia dibuka menjelang Disember 2028.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa jambatan empat lorong menghubungkan pantai selatan Pulau Pinang ke pulau buatan manusia itu merupakan komponen utama Projek Pan Island Link (PIL) 2A.

Malah, menurut beliau, projek berkenaan juga merupakan inisiatif infrastruktur strategik dalam memperkukuh kesalinghubungan antara *Silicon Island* dengan Jambatan Kedua (Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'adzam Shah) termasuk beberapa komponen jalan sokongan Fasa 1 PIL2A.

"Fasa 1 pembinaan jambatan dijadualkan siap menjelang pertengahan 2027 untuk menyokong pembukaan kilang pertama yang akan beroperasi di *Silicon Island*.

"Penyiapan penuh dan pembukaan kepada orang ramai dijangka pada akhir tahun 2028.

"Jarak keseluruhan termasuk jambatan dan jalan penghubung merangkumi kira-kira 1.5 kilometer (km) bermula dari persimpangan Permatang Damar Laut dan berakhir di *Silicon Island*.

"Selain itu, komponen Fasa 1 PIL2A juga akan meningkatkan kesalinghubungan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) melalui pembinaan lebuh raya bertingkat.

*(Sambungan di muka 2).*



**JAMBATAN sementara yang menghubungkan kawasan pantai di selatan Pulau Pinang ke *Silicon Island*.**

*(Sambungan dari muka 1).*

# Hab komuniti baharu


TAMBAKAN pasir di bahagian selatan Pulau Pinang giat dijalankan.

"Pakej pembinaan ini akan menyokong rancangan pembangunan jangka panjang negeri dan ia dianggarkan berjumlah RM390 juta," ujarnya pada sidang media ketika mengadakan lawatan tapak ke *Silicon Island* pada 6 Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long; Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain.

Terdahulu, Kon Yeow memberitahu bahawa jambatan kekal yang dicadangkan di Permatang Damar Laut bakal menggantikan jambatan sementara yang ada kini sekali gus mempercepatkan kerja-kerja penambakan.

"Jambatan sementara ini bertujuan menyediakan akses sementara bagi kerja-kerja pembinaan dan infrastruktur di *Silicon Island*," jelasnya.

Pada sidang media sama, Kon Yeow juga mengumumkan pembangunan sebuah hab komuniti termasuk Medan Selera Matang yang akan dibina di Permatang Damar Laut menghadap *Silicon Island*, bagi menempatkan semula peniaga gerai makanan yang terkesan.

"Pembangunan ini mencerminkan komitmen dan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap mereka yang terkesan termasuk para peniaga gerai makanan.


PEMANDANGAN dari pesisir pantai Permatang Damar Laut berlatarbelakangkan *Silicon Island.*

"Hab ini akan dibangunkan di atas tanah berkeluasan kira-kira 0.8 hektar yang turut merangkumi pembinaan sebuah dewan baharu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) serta bangsal untuk kegunaan para nelayan.

"(Dan) untuk menyokong keperluan awal bekalan air di *Silicon Island*, sebuah tangki sedutan dan rumah pam akan dibina di atas tanah bersebelahan Medan Selera Matang.

"Kerja-kerja pembinaan tersebut dijadualkan bermula pada suku ketiga tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2027 nanti," katanya.

Tambah Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu lagi, jumlah kos pembinaan untuk kemudahan komuniti termasuk pembinaan rumah pam dan tangki sedutan dianggarkan berjumlah RM36 juta.

Sementara itu, Farizan ketika ditemui berharap pembangunan hab komuniti tersebut akan menjadikan kawasan sekitar sebagai destinasi baharu yang meriah.

"Bukan sahaja memberi manfaat kepada penduduk setempat, malah berpotensi besar untuk menarik lebih ramai pelancong serta pengunjung sekali gus menjana sektor pelancongan dan ekonomi tempatan," katanya.

Difahamkan, sehingga kini, kira-kira 160 ekar daripada keseluruhan kawasan projek telah ditebus guna yang merangkumi keluasan keseluruhan 2,300 ekar.

Projek pembangunan *Silicon Island* dilaksanakan dalam dua fasa yang mana Fasa 1 meliputi 1,260 ekar penambakan dan Fasa 2 melibatkan baki 1,040 ekar.

Projek penambakan yang sebelum ini dikenali sebagai Pulau A adalah projek pembangunan milik Kerajaan Negeri yang dijalankan oleh pemaju projek, Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SIDSB).

# Program Sekolah Angkat
## cungkil bakat muda sukan bola sepak

**SUNGAI DUA** – *Penang Football Club* (Penang FC) melalui kerjasama strategik dengan syarikat penaja, SA Mutiara Deco melaksanakan program Sekolah Angkat untuk mencungkil bakat muda dalam sukan bola sepak.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen berkata bahawa sebanyak 10 sekolah harian biasa membabitkan seramai 150 murid terlibat dalam projek perintis tersebut buat masa ini.

Sekolah terbabit adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Dua; SK Bertam Indah, SK Seri Gemilang; SK Sungai Puyu, SK Kampung To' Bedor, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Haji Ahmad Said, SMK Bertam Indah, SMK Gemilang, SMK Permatang Rawa, SMK Tun Hussein Onn dan akan diperluaskan kepada lima hingga 10 sekolah lagi dalam tempoh terdekat.

"Kita hanya pilih sekolah biasa dan bukan sekolah sukan atau Pusat Latihan Daerah (PLD) kerana percaya bakat-bakat baharu berkualiti ini juga boleh dicungkil di sekolah biasa untuk membantu pembangunan sukan bola sepak negeri pada peringkat akar umbi.


DANIEL Gooi Zi Sen (depan, kiri) mempamerkan kebolehan menimbang bola sambil disaksikan oleh Faiz Subri (depan, kanan) dan bakat cilik pada program berkaitan di sini baru-baru ini.

"Namun, bilangan sekolah akan ditambah pada masa akan datang supaya dapat meliputi sekolah-sekolah di semua daerah di negeri ini.

"Kita harap penganjuran program perintis ini dapat meningkatkan lagi pembangunan bakat dalam sukan bola sepak di negeri ini pada peringkat akar umbi selain membina prestasi atlet pada usia muda," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Sekolah Angkat dekat Dewan Iltizam, SK Sungai Dua di sini 19 Jun lalu.

Turut hadir, Ketua Unit Sukan Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Ramlee Abu Bakar; Ketua Jurulatih Penang FC, Wan Rohaimi Wan Ismail selain barisan skuad Harimau Kumbang seperti Faiz Subri, Khairul Akmal Rokisham dan Adib Raop.

Zi Sen memberitahu bahawa melalui program tersebut, peserta dibahagikan kepada tiga kategori iaitu 12, 15 dan 18 tahun ke bawah .

"Kita akan anjurkan pertandingan liga bola sepak bagi sekolah berkenaan, dan sekiranya mendapat maklum balas yang positif serta sambutan yang baik, maka kita akan teruskan program sebagai satu acara tahunan," katanya.

# Kekal komited transformasi sektor pertanian

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PINANG TUNGGAL –** Pulau Pinang mencatatkan nilai jualan tahunan bagi sektor pertanian berjumlah RM3.5 bilion pada tahun 2023 membabitkan seramai 16,645 petani di negeri ini.

Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin memberitahu bahawa dapatan itu diperoleh daripada pelaksanaan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang bermula dari 7 Julai sehingga 31 Disember 2024.

"Pulau Pinang merupakan antara negeri yang menjadi penyumbang kepada sektor pertanian negara dengan seramai 16,645 individu daripada 1.8 juta penduduk negeri ini terlibat dalam sektor pertanian, membabitkan 30,400 orang pekerja.

"Sektor penternakan, tanaman, perikanan dan perkayuan telah menjadi penyumbang utama kepada sektor pertanian di negeri ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Negeri Pulau Pinang dekat Dewan Besar Institut Pertanian Bumbong Lima di sini pada 17 Jun lalu.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol.

Mohd. Uzir memberitahu bahawa sebanyak RM161 bilion nilai jualan keseluruhan bagi sektor pertanian direkodkan bagi seluruh negara pada tahun 2023.

"Perjuangan sektor pertanian begitu besar untuk menghasilkan makanan kepada 34 juta penduduk dan kira-kira 29 juta pelancong di negara ini setiap tahun menyebabkan permintaan terhadap produk pertanian adalah sangat tinggi," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd. Uzir menyatakan bahawa Banci Pertanian 2024 merupakan banci kali pertama selepas 19 tahun merangkumi seluruh subsektor pertanian meliputi tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan.

Oleh itu, beliau berharap agar laporan tersebut dapat membantu kerajaan dan sektor swasta untuk menggubal dasar yang lebih jelas bagi menggalakkan pembangunan dan transformasi pertanian negara ini.

"Dapatan daripada banci ini akan menjadi input penting dalam pelbagai penilaian keberhasilan dasar dan agenda negara, termasuk Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030), tahap keterjaminan makanan negara, penggunaan teknologi dan penglibatan belia dalam sektor pertanian.




**PELUNCURAN** Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Negeri Pulau Pinang disempurnakan oleh Fahmi Zainol (tiga dari kiri) di sini baru-baru ini.



**MOHD. Uzir Mahidin.**



**FAHMI** Zainol (kanan sekali) melawat salah satu reruai sempena majlis peluncuran berkaitan di Bumbong Lima sambil ditemani Pengarah Pertanian Negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim (dua dari kanan) dan Mohd. Uzir Mahidin (tiga dari kanan).

"Melalui banci ini juga kita dapati bahawa lebih 50 peratus mereka yang terlibat dalam sektor pertanian di seluruh negara adalah yang berumur 60 tahun ke atas.

"Justeru, pihak-pihak bertanggungjawab boleh menggunakan data bancian ini untuk merangka strategi yang tepat, seperti menarik lebih ramai golongan belia menyertai pertanian melalui penggunaan teknologi pertanian lebih moden," katanya.

Dalam pada itu, Fahmi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang kekal komited untuk memastikan sektor pertanian turut berkembang maju dan berdaya saing, seterusnya menyumbang kepada keterjaminan makanan serta ekonomi negeri.

"Usaha-usaha berterusan meliputi pemodenan pertanian melalui penerapan teknologi canggih seperti sistem pertanian pintar, di samping mengoptimumkan penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil tanaman.

"Di Pulau Pinang, walaupun jumlah mereka yang terlibat dalam sektor pertanian hanya kira-kira 30,000, tetapi kita berjaya menghasilkan nilai jualan yang agak tinggi iaitu RM3.5 bilion.

"Ini membuktikan bahawa Pulau Pinang lebih produktif, namun kita juga masih perlu tingkatkan lagi usaha agar tidak disaingi oleh negeri-negeri lain pada masa akan datang," ulasnya.

Fahmi memberitahu bahawa dapatan daripada Banci Pertanian adalah amat penting dalam membantu Kerajaan Negeri menentukan dasar yang lebih efisien dalam pembangunan sektor pertanian.

"Agensi Kerajaan Negeri boleh mengguna pakai data ini untuk mengemas kini maklumat seperti bantuan, jenis pertanian yang dijalankan serta hasil yang diperoleh para petani terlibat.

"Ini sekali gus dapat membantu Kerajaan Negeri menentukan dasar yang lebih efisien dan memastikan pelaburan Kerajaan Negeri melalui bajet tahunan mendapat pulangan yang baik," ujarnya.

# Belia Penang FC buru bakat baharu

MEMULAKAN kerjaya sebagai Presiden Gelugor Football Club (GFC), kini **HAYDRIAAN DASS**, 39, mengorak langkah baharu sebagai Penolong Pengurus pasukan Belia Penang FC (BPFC).

Beliau mahu mencabar diri dengan melatih belia negeri, biar ke peringkat lebih tinggi.

Dalam temu ramah baru-baru ini, beliau memberitahu bahawa BPFC ditubuhkan kira-kira tiga bulan lepas dengan tujuan memburu bakat baharu di samping memberi peluang kepada anak muda negeri untuk mengembangkan kebolehan masing-masing.

"Pemilihan terbuka bagi pasukan Belia Penang FC (BPFC) 2025 baru-baru ini berjaya memilih 90 pemain yang maju ke fasa kedua dan ketiga.

"Persaingan juga semakin sengit dan kita mencari yang terbaik untuk membina skuad masa depan yang lebih kuat dan berdaya saing.

"Tujuan BPFC ditubuhkan adalah untuk mencari dan memberi peluang kepada anak muda di negeri ini untuk menyerlahkan bakat dan kemahiran bermain bola sepak.

"(Dan) dengan adanya pasukan yang mantap, tidak mustahil BPFC bakal mengharumkan nama negeri," ujarnya semasa sesi wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **ALISSALA THIAN**.

Menurut Haydriaan, kini seramai 25 pemain di bawah BPFC komited menjalani latihan demi menjuarai perlawanan bola sepak yang disertai.



**HAYDRIAAN Daas.**

"Sebelum ini, ada pemain yang bermula hanya sekadar hobi, kini dengan adanya kelab bola sepak lokal seperti BPFC, ia telah menjadi platform kepada pemain yang ingin menonjolkan bakat dalam bermain bola sepak.

"Jika dilihat pada masa kini, budaya bermain bola sepak pada setiap petang sudah terkubur dek golongan kanak-kanak dan remaja yang lebih gemar bermain gajet pintar.





**AKSI lincah pemain ketika menentang lawan.** ***(Ihsan: Kopa Media)***

"Penglibatan pemain juga secara tidak langsung dapat mencegah golongan remaja dari terdedah dengan gejala yang tidak sihat… seperti pengaruh rakan sebaya di samping mengasah bakat-bakat muda," jelasnya semasa berkongsi objektif utama penubuhan BPFC.

Dalam pada itu, Haydriaan turut memaklumkan penubuhan BPFC bukan hanya sekadar memfokuskan terhadap pemain handal, malah turut memberi peluang bagi mereka yang ingin belajar.

"BPFC tidak pernah meletakkan sasaran tinggi dalam mengumpul jumlah pemain, sudah tentu (kita) barisan jurulatih dan pihak pengurusan lebih mementingkan kualiti bermain berbanding kuantiti.

"Tidak semua ahli pasukan handal bermain, maka barisan jurulatih akan mengasah kemahiran pemain dengan mengadakan latihan dan seterusnya menyertai beberapa kejohanan dan perlawanan yang diadakan.



**PASUKAN Belia Penang FC.** ***(Ihsan: Penang FC)***



***POSE*** **istimewa ketika menyertai salah satu perlawanan di Stadium Bandaraya baru-baru ini.** ***(Ihsan: Penang FC)***

"Bagi pemain yang sudah handal, mereka juga perlu menjalani latihan seperti pemain lain bagi tSerus mengasah kemahiran dalam bermain bola sepak dan seterusnya melebarkan sayap mereka ke peringkat lebih tinggi," jelasnya sambil menyifatkan latihan yang diadakan berupaya menyatupadukan semua pemain.

Di samping itu, Haydriaan turut berkongsi kejayaan dan kenangan manis diperoleh sepanjang penglibatannya bersama-sama BPFC.

"BPFC telah menyertai beberapa kejohanan termasuk Piala Belia dan juga Piala Presiden, tidak dinafikan prestasi mereka pada setiap perlawanan semakin baik.

"BPFC kini dalam perancangan untuk memperkenalkan platform digital rasmi bagi memberitahu maklumat-maklumat berkaitan perlawanan di laman media sosial rasmi.

"Dalam usaha memperkukuh semangat belia dan menggalakkan penglibatan aktif dalam kegiatan sihat, adalah diharapkan BPFC muncul sebagai platform dinamik demi memfokuskan anak muda di negeri ini.

"Oleh itu, sokongan anda semua amat dihargai dengan menghadiri perlawanan yang diadakan di Stadium Bandaraya Pulau Pinang kelak, secara tidak langsung komitmen dan usaha pemain dijamin berbaloi," katanya menutup bicara.

# Pelihara seni bina warisan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SENI** bina warisan dan tradisi yang terdapat di sepanjang Jalan Tasek dekat Nibong Tebal harus dipelihara bagi mengekalkan identiti sejarah serta nilai-nilai budaya masyarakat tempatan untuk generasi akan datang.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye berkata bahawa terdapat banyak seni bina dan tapak warisan yang menjadi 'saksi bisu' masa lampau di negara ini yang perlu dipelihara.

"Warisan dan tradisi ini mencerminkan masa lalu, baik dari segi seni bina, adat resam mahupun makanan, semuanya tiada galang ganti.

"Semua ini mesti dipelihara supaya generasi akan datang dapat belajar dan menghargai 'akar umbi' mereka.

"Oleh demikian, saya telah menyarankan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk merangka pelan pemuliharaan khusus bagi rumah-rumah kedai pra-perang yang terdapat di Jalan Tasek," ujarnya pada pelancaran buku kecil *'Discovering the Cultural Treasures of Nibong Tebal'* pada 3 Jun lalu.

Dalam pada itu, Mooi Lye memaklumkan bahawa pelan pemuliharaan tersebut tidak seharusnya hanya menumpukan pada pembangunan infrastruktur fizikal semata-mata.

"Sebaliknya turut menyelitkan pemeliharaan budaya dan sejarah serta menambah 'jiwa' dan vitaliti di kawasan tersebut.

"Saya mencadangkan agar MBSP dapat berhubung dengan pemilik hartanah di kawasan tersebut untuk memastikan sebarang penyelenggaraan atau pengubahsuaian perlulah mengutamakan pemeliharaan penampilan asal bangunan berkaitan, terutama rumah-rumah kedai ikonik pra-perang," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi menjelaskan bahawa buku kecil *'Discovering the Cultural Treasures of Nibong Tebal'* adalah sebahagian daripada Projek Warisan Budaya Nibong Tebal atau *Nibong Tebal Cultural Heritage Project*.

"Penerbitan ini mendokumentasikan sejarah bandar Nibong Tebal selama 300 tahun melalui cerita, gambar dan sorotan budaya.

"Ia (buku kecil) hanyalah permulaan yang mana banyak lagi elemen warisan di kawasan itu masih belum didokumentasikan.



H'NG Mooi Lye (barisan belakang, kiri sekali) bersama-sama komuniti lokal menunjukkan buku kecil *'Discovering the Cultural Treasures of Nibong Tebal'* pada pelancaran berkaitan di sini baru-baru ini.

"Saya berharap, edisi-edisi buku kecil akan datang dapat memberi tumpuan terhadap tema-tema tertentu seperti pastri tradisional, masakan tempatan, sekolah-sekolah, individu terkenal, seni bina dan adat budaya.

"Tema-tema ini bertujuan untuk kita mendalami dan menghargai serta memberi pemahaman kepada umum tentang warisan yang ada di Nibong Tebal.

"Saya percaya penerbitan ini akan menyumbang semula tentang naratif sejarah yang mungkin dilupai dan mampu meninggalkan impak positif kepada semua," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengurus projek Arts-Ed, Chen Yoke Pin menyatakan bahawa inisiatif Projek Warisan Budaya Nibong Tebal bertujuan menjadikan sejarah tempatan lebih menarik dan mudah diakses umum.

"Kami ingin mempersembahkan sejarah dengan cara yang menyeronokkan dan mesra agar lebih ramai lagi yang ingin tahu tentang cerita-cerita dahulu di kampung halaman mereka.

"Pasukan kami memulakan kerja-kerja di lapangan sejak tahun lepas, yang mana kami bertemu dengan komuniti dan orang tua untuk mengumpul sejarah secara lisan serta menggunakan data sokongan.



SUDUT bercerita masyarakat memaparkan wajah-wajah mereka yang menyumbang pada penerbitan buku kecil tersebut.

"Bagi menyiapkan buku kecil itu, kami mengambil masa selama tujuh bulan dan ia diterbitkan dalam tiga bahasa.

"Kami memilih Nibong Tebal sebagai titik permulaan kerana Seberang Perai layak mendapat perhatian kerana kaya dengan khazanah," ulasnya sambil berharap usaha sama boleh dilaksanakan di kawasan lain di Seberang Perai.

# Pasar Awam Batu Kawan

## bawa limpahan sosioekonomi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BUKIT TAMBUN -** Pembinaan Pasar Awam dan Kompleks Penjaja Bandar Cassia dekat Batu Kawan bakal membawa limpahan sosioekonomi dan membuka lebih banyak peluang perniagaan baharu kepada masyarakat setempat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek yang dibina di atas tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) seluas 7.69 ekar itu bakal menempatkan 82 unit gerai, ruang penjaja di kompleks makanan (32), gerai tertutup (20); petak ruang penjaja terbuka (78) dan ruang parkir (449) serta dijangka siap pada Jun 2027.

"Pemilihan lokasi projek ini juga dibuat secara strategik, setelah mengambil kira faktor pertumbuhan pesat kawasan perumahan, pembangunan industri dan institusi pendidikan di Batu Kawan.




**KETUA Menteri bersama-sama tetamu kehormat menyempurnakan gimik pecah tanah di tapak projek dekat sini baru-baru ini.**

"Projek ini turut merangkumi kerja-kerja menaik taraf Jalan Batu Kawan sedia ada, sekali gus bakal memperkukuh jaringan mobiliti dan meningkatkan kelancaran aliran trafik kelak.

"Apabila siap kelak, pasar awam ini akan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk pengurusan," katanya ketika berucap pada majlis pecah tanah pembinaan pasar awam berkaitan di sini 3 Julai lalu.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar; Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, Dato' Mohd. Alwi Zainal Abidin; Setiausaha Bandaraya MBSP, Mohd. Ibrahim Md. Nor; Pengarah Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang, Mohamad Shoki Hamzah; Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB), Ir. Ts. Norhizami Abu Hasan dan Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Khairulnizam Hashim.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa Pasar Awam dan Kompleks Penjaja Bandar Cassia merupakan yang pertama dan terbesar dibina di kawasan Parlimen Batu Kawan setakat ini.

"Sebab mengapa kita tunggu selepas 20 tahun untuk membina pasar awam berkaitan adalah kerana sebelum ini populasi di Batu Kawan masih belum sampai pada peringkat yang memerlukan sebuah pasar yang begitu besar.

"Kini, tiba masanya kita (Kerajaan Negeri) menyediakan segala kemudahan yang dirancang termasuk pembinaan masjid, rumah ibadat, pasar awam, dewan, sekolah dan sebagainya apabila Batu Kawan sudah mencapai tahap pembangunan seperti yang ada hari ini," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan.

**258 UNIT RUMAH PANGSAPURI 30 TINGKAT**
**RM 300,000.00 (MINIMA)**
**RM 598,000.00 (MAKSIMA)**
**Baki unit belum dijual – 188 unit**

TwinStar
*At Lintang Slim*

**Hak Milik Kekal**



| | |
|---|---|
| **Pemaju** | **: Acara Prestasi Sdn Bhd** |
| **Pejabat Jualan** | **: 301-3A-1, The H2O, Jalan Jelutong, 11600 Pulau Pinang. Tel: 604 – 609 3255 Fax : 604 – 609 3256** |
| **No. Lesen Pemaju** | **: 13106/07-2032/0222(R)** |
| **Tempoh sah lesen** | **: 23/7/2025 sehingga 22/7/2032** |
| **No. Permit iklan** | **: 13106-2/05-2027/0474 (N)-(S)** |
| **Tempoh sah Permit** | **: Dari 30/5/2024 sehingga 29/05/2027** |
| **Pegangan** | **: Bebas** |
| **Bebanan** | **: Digadai Kepada CIMB Islamic Bank Berhad** |
| **Tarikh Pemajuan dijangka siap** | **: Disember 2027** |
| **Pihak Berkuasa meluluskan** | **: Majlis Bandaraya Pulau Pinang** |
| **No. Kelulusan pihak Berkuasa** | **: Sijil Kebenaran Merancang No. JPB/KM/6560/A** |
| | **No. Kelulusan Pelan Bangunan : MBPP/ILCS-OSC/PB(2105)/23** |

SPESIFIKASI

| | | |
|---|---|---|
| a) | Struktur | : Konkrit Tetulang |
| b) | Dinding | : Batu-batu simen |
| c) | Tingkap | : aluminium berbentuk kaca |
| d) | Pintu | : Pintu Utama : pintu Kayu Berhias |
| | | : Pintu Bilik Mandi/Tandas : pintu PVC berlapis |
| e) | Lantai | : Jubin seramik berkualiti |
| f) | Kemasan Dinding Dinding | : Tandas : Jubin berkualiti setinggi 5 kaki Biliki Dapur : jubin seramik setinggi 5 kaki |
| g) | Siling | : 'Skim Coat', salutan layapan |
| h) | Bumbung | : Kepingan bumbung logam |
| i) | Kunci | : Set kunci berkualiti |
| k) | Pemasangan | : Peralatan Sanitari Berkualiti |

| | |
|---|---|
| Lampu | 11 |
| Punca Kipas Siling | 5 |
| Punca Kuasa Elektrik | 13 |
| Punca Pemanas Air | 1 |
| Punca TV | 1 |
| Punca Telefon | 1 |

| | |
|---|---|
| Besen Dapur | 1 |
| WC | 2 |
| Besen Cuci Tangan | 2 |
| Bekas isi sabun | 2 |
| Bekas isi tisu tandas | 2 |
| Set pancaran air untuk mandi | 2 |

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

# Perluas kaedah vermikompos ke peringkat komuniti



**BEKAS** pembiakan cacing yang menjadi agen pengkomposan sisa-sisa sayur-sayuran dan buah-buahan.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **SMKDHMNA**

**PENDIDIKAN** Untuk Pembangunan Lestari (ESD) bukan sekadar satu program tambahan tetapi juga satu pendekatan holistik yang membentuk pelajar menjadi ejen perubahan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, **CONNIE TAN HOOI PENG** berkata bahawa ESD juga adalah selari dengan matlamat pembangunan lestari *Sustainable Development Goals* (SDGs) peringkat global.

"Malah ESD turut mendukung dasar pendidikan negara yang menekankan pembentukan insan seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani.

"Mereka bukan sekadar belajar tentang alam sekitar dalam bilik darjah, tetapi mempraktikkannya melalui projek kitar semula, pertanian, projek inovasi dan pelbagai inisiatif hijau yang mendidik secara langsung serta tidak langsung.

"Inilah model Sekolah Abad 21 atau Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang bukan sahaja menumpukan akademik, tetapi juga kesedaran sivik dan tanggungjawab alam sekitar," ujarnya ketika Majlis Perasmian Program ESD 2025 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Haji Mohamed Nor Ahmad di sini 19 Jun lalu.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Timur Laut, Zulfakri Zulkifli; Pengetua SMK Datuk Haji Mohamed Nor Ahmad, Amran Othman; guru-guru dan murid-murid terlibat.

Mengulas lanjut, Hooi Peng memberitahu bahawa isu dan kekurangan sumber asli adalah cabaran besar di abad ini.

"Justeru, usaha seperti ESD ini adalah pelaburan jangka panjang, dan apa yang kita pupuk hari ini dalam minda serta jiwa anak-anak kita akan menentukan masa depan negara dan bumi ini.

"Kerajaan Negeri, khususnya DUN (Dewan Undangan Negeri) Seri Delima amat menyokong usaha seumpama ini yang mana saya percaya pendidikan adalah kunci kepada perubahan, dan perubahan bermula pada peringkat akar umbi di sekolah, rumah dan komuniti," ulasnya lanjut.



**LAW Yee Chen.**

Sementara itu, beberapa projek pameran kelestarian hijau turut diadakan dan projek vermikompos antara yang menarik perhatian lensa Buletin Mutiara.

Guru penyelaras projek vermikompos, **LAW YEE CHEN** ketika ditemui memaklumkan bahawa projek tersebut adalah sebahagian daripada usaha kitar semula sisa kompos seperti buah-buahan dan sayur-sayuran untuk menghasilkan baja semula jadi.

Vermikompos adalah kaedah menggunakan cacing yang diberi makan sisa organik terutamanya sisa buangan daripada pasar sebelum dicerna oleh cacing jenis *African Night* untuk diproses melalui pembuangan najis dan urin.



***AFRICAN Night Crawler*** **merupakan antara cacing terbaik yang digunakan dalam kaedah vermikompos.**

"Projek vermikompos ini sebenarnya bermula sejak tahun 2023, hasil kerjasama kajian yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia (USM).

"Masa itu, USM bawa tiga tong untuk demonstrasi menghasilkan baja kompos, perlahan-lahan cacing tersebut turut membiak.

"Masuk tahun 2024, kami (SMK Datuk Haji Mohamed Nor Ahmad) mula mengorak langkah, mempromosikan projek vermikompos ini kepada peringkat komuniti," kongsinya.

Bercerita lebih lanjut, Yee Chen menyatakan bahawa pada tahun 2025, pasukan bimbingannya berjaya menyertai pertandingan *Toyoto Eco Youth* dan berjaya disenaraikan dalam kalangan pasukan 30 teratas.

"Jadi dari sini kami perlu luaskan skop capaian projek ini kepada komuniti setempat.

"Macam bulan lepas, kita mula di Pasar Awam Taman Tun Sardon dan banyak lagi komuniti yang perlu mengetahui tentang projek ini sebelum dibentangkan untuk *Toyoto Eco Youth*.

"Tempoh pertandingan ini berlangsung daripada bulan Mei sehingga September 2025," katanya.




**PASUKAN SMK Datuk Haji Mohamed Nor Ahmad mempertaruhkan projek vermikompos dalam pertandingan** ***Toyota Eco Youth*** **tahun ini.**

# Perkampungan Juru

## kaya budaya warisan setempat



STRUKTUR binaan patung ayam jantan yang menghiasi landskap di sini membawa maksud yang mendalam dan dikaitkan dengan kitaran zodiak Cina.



SUASANA tenang dengan landskap yang menghijau di kolam buatan dekat Perkampungan Juru di sini.





GOOI Hsiao-Leung (empat dari kiri) merakamkan gambar kenang-kenangan dengan barisan pemimpin komuniti MPKK Perkampungan Juru sambil memegang replika cek bernilai RM500,000 selepas dinobatkan sebagai pemenang tempat ketiga Pertandingan Kampung Baru 2025 baru-baru ini.

**PERKAMPUNGAN** Juru dekat daerah Seberang Perai Tengah (SPT) telah dipilih sebagai pemenang tempat ketiga Pertandingan Kampung Baru 2024 anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) baru-baru ini.

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Perkampungan Juru di bawah kepimpinan pengerusinya, **CHEH KIM WENG**, 61, telah membawa pulang geran Persekutuan berjumlah RM500,000.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, **GOOI HSIAO-LEUNG** berkata bahawa sebelum ini Perkampungan Juru pernah mendapat beberapa anugerah baik peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT), negeri mahupun kebangsaan.

"(Tempat ketiga Pertandingan Kampung Baru 2024) ini merupakan suatu pencapaian cukup besar yang mana pertandingan ini bukan peringkat negeri, tetapi peringkat kebangsaan.

"Tahu tidak tahu di Malaysia ada 613 kampung baru, jadi untuk mendapat anugerah (tempat ketiga Pertandingan Kampung Baru 2024) ini bukan suatu perkara yang kecil.



CHEH Kim Weng.

"Selain itu, ini bukan kali pertama Perkampungan Juru mendapat beberapa anugerah antaranya, kampung baru ini pernah mendapat tempat ketiga Pertandingan Kampung Bersih Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) 2021 dan naib johan Anugerah Landskap Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 sempena Hari Landskap Malaysia," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** di pejabat MPKK Perkampungan Juru di sini pada 16 Jun 2025.

Menyorot sejarah, Perkampungan Juru secara rasminya ditubuhkan pada tahun 1952, iaitu sebelum negara mengecapi kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957. Perkampungan Juru dianggap berkait rapat dengan sejarah penentangan komunis semasa darurat (1948–1960) dan dasar penempatan semula yang dilaksanakan oleh pentadbir pra-kemerdekaan di bawah British.

Chow Hoe merupakan pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Perkampungan Baru pertama bagi tempoh tahun 1952 hingga 1969, sebelum berpindah tangan kepada Chew Lai Seng (1969-1974), Teoh Peng Khiam (1974-1978), Na Cheng Seah (1978-2000) dan Lim Chin Chai (2000-2008).

Kim Weng merupakan tonggak utama komuniti yang mengemudi JKKK atau kini dikenali sebagai MPKK Perkampungan Juru.

Beliau memberitahu Buletin Mutiara bahawa ketika ini Perkampungan Juru mempunyai lebih 300 unit kediaman bertanah dengan taburan penduduk kira-kira 2,000 orang.

Pegawai Kemajuan Perkampungan KPKT bagi Daerah SPT, **K. C. NG**, 56, memberitahu bahawa kementerian menganjurkan semula Pertandingan Kampung Baru 2024 antara lain untuk menghargai peranan komuniti yang masih mendiami 613 buah kampung baru di seluruh negara.

"Di sebalik penganjuran Pertandingan Kampung Baru sekarang ini, tujuannya adalah lebih untuk meningkatkan kegiatan sosioekonomi penduduk di samping menarik minat generasi muda untuk terus 'menghidupkan' kampung-kampung yang sedia ada.

"Kampung-kampung baru di seluruh negara sekarang ini memang memerlukan 'produk ekonomi' sendiri, perlu projek infrastruktur setempat seperti jalan, laluan pejalan kaki, landskap dan sistem perparitan," ujarnya.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa KPKT bagi tahun ini memperuntukkan RM1,904.380 juta khusus untuk pelaksanaan sembilan projek pembangunan infrastruktur



K. C. Ng.

berkaitan di enam kampung baru dekat daerah SPT dan satu kampung baru di daerah Seberang Perai Utara (SPU) iaitu Kampung Selamat.

"Selain projek infrastruktur awam, kita (wakil KPKT pada peringkat daerah) ada melakukan projek baik pulih rumah (yang mana) sehingga kini kita sedang membaik pulih dua unit kediaman 'kampung baru' dekat Machang Bubuk – melibatkan peruntukan RM37,970.

"Sementara di 'kampung baru' dekat Perkampungan Juru, sehingga tahun lepas sahaja telah banyak projek pembangunan infrastruktur dan kerja baik pulih rumah (daif) dilaksanakan," ulasnya lanjut.

Mengakhiri bicara wara, Hsiao-Leung menyatakan bahawa beliau berharap Perkampungan Juru boleh terus dimajukan sehingga dianggap sebagai kampung yang kaya dengan kebudayaan dan warisan setempat.

"Dengan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Perpaduan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim perhatian dalam kemajuan kampung-kampung baru senantiasa diberikan perhatian.

"Pada tahun lepas (2024), Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan khusus untuk kampung-kampung baru sebanyak RM84 juta.

"Begitu juga Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, bagi saya turut memberi perhatian pada kerja-kerja penaiktarafan infrastruktur di kampung-kampung negeri… beberapa tahun belakangan ini kita boleh lihat ada gelanggang bola keranjang baharu.

"Kewujudan kampung-kampung baru ini menunjukkan inklusif dan kewujudan rakyat berbilang kaum (yang mana) kampung-kampung baru ini adalah warisan yang cukup penting dari sudut sejarah dan perlu dianggap sebagai suatu 'warisan hidup'," katanya.

Beliau dalam pada itu turut menyokong sekiranya MPKK Perkampungan Juru berhasrat untuk memanfaatkan sebahagian peruntukan Persekutuan yang berjumlah RM500,000 untuk membina pintu gerbang masuk yang bakal menjadi mercu tanda kewujudan kampung baru tersebut di sini.



GOOI Hsiao-Leung memberi '*pose*' santai di salah satu sudut menarik di sini.



ANTARA sudut menarik yang sempat dirakam lensa Buletin Mutiara baru-baru ini.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
